



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 20/2020 dari 10 Mei hingga 16 Mei 2020)

Situasi Demam Denggi terus menunjukkan peningkatan berterusan bagi tempoh lima (5) minggu berturut-turut bermula sejak pertengahan April yang lepas dengan peratus peningkatan kes antara 1.4% hingga 11.0%. Pada minggu ke-20, sebanyak 1,494 kes dan enam (6) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan berbanding 1,415 kes dan tiga (3) kematian pada minggu sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 79 kes (5.6%) dan peningkatan tiga (3) (100%) kematian berbanding minggu sebelumnya.

Tren peningkatan kes mingguan Demam Denggi dijangka akan terus berlaku sekiranya tindakan secara proaktif dari masyarakat untuk membersihkan tempat pembiakan Aedes di persekitaran kediaman dan premis masing-masing tidak dilakukan. Oleh yang demikian, semua pihak seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Kejiranan Rukun Tetangga (KRT) serta masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing dan bertanggungjawab memastikan penduduk setempat menjaga kebersihan persekitaran premis agar peningkatan kes dan kematian akibat Demam Denggi dapat dicegah.


Sehingga kini kumulatif kes Demam Denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 43,306 kes berbanding 48,754 kes bagi tempoh sama tahun 2019 (penurunan 11.2%) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 77 kematian berbanding 76 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 1 kematian (1.3%) **(Lampiran A & C)**.

Lokaliti hotspot yang dilaporkan adalah meningkat sebanyak 13 lokaliti dengan sebanyak 76 lokaliti hotspot pada minggu ke-20 berbanding 63 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari sebanyak 76 lokaliti hotspot, 68.42% atau 52 lokaliti hotspot dari keseluruhan 76 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 14 lokaliti hotspot (18.42%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, lima (5) lokaliti hotspot di Perak (6.58%), empat (4) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (5.26%) dan satu (1) lokaliti hotspot di Sabah (1.32%) (**Lampiran B & D**).

Pada minggu ke-20, jangkitan Chikungunya telah melaporkan sebanyak 25 kes dengan majoriti kes (19 kes) adalah dari negeri Perak. Sebanyak empat (4) lokaliti wabak aktif Chikungunya sedang dipantau di negeri Perak iaitu dua (2) lokaliti di Daerah Kinta dan dua (2) lokaliti lagi di Daerah Kampar. Selain itu, sebanyak empat (4) kes dilaporkan dari negeri Pulau Pinang dan dua (2) kes dari negeri Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 482 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 680 sampel darah dan 9 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, seluruh ahli keluarga seisi rumah perlu bersama-sama melakukan pembersihan di persekitaran rumah masing-masing dengan memastikan bekas-bekas berpotensi pembiakan nyamuk dibuang secara berhemah. Sekiranya terdapat jiran yang masih terkandas di tempat lain dan tidak dapat pulang ke rumah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini, bantulah jiran anda untuk membersihkan dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes di sekitar kediaman mereka. Masyarakat juga disarankan melakukan semburan Aerosol di dalam rumah masing-masing terutama di kawasan terlindung dan tersembunyi.


Peliharalah kesihatan diri dan ahli keluarga dari sebarang ancaman penyakit bawaan vektor seperti Demam Denggi, Chikungunya dan Zika mahupun penyakit berjangkit seperti COVID-19. Jangan cemari suasana Hari Raya akibat dijangkiti penyakit-penyakit ini, jaga kebersihan diri dan kebersihan persekitaran. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**29 Mei 2020**




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 19 dan ke- 20 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 20 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke- 20 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 20/2020  
(10 Mei hingga 16 Mei 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 20/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 20/2019	
		Minggu Epid 20 (10 Mei – 16 Mei 2020)		Minggu Epid 19 (3 Mei – 9 Mei 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	5	0	0	0	24	0	171	0
2	Kedah	11	0	4	0	371	0	794	2
3	P. Pinang	6	0	2	0	336	1	2,598	8
4	Perak	71	0	82	0	1,504	1	1,324	2
5	Selangor	644	0	632	0	25,388	27	28,336	27
6	WP KL & Putrajaya	275	0	237	0	3,979	4	4,877	2
7	N. Sembilan	78	1	57	0	1,074	3	979	4
8	Melaka	56	0	39	0	863	4	813	4
9	Johor	186	2	185	2	3,768	16	3,808	11
10	Pahang	50	1	48	0	1,115	4	511	4
11	Terengganu	4	0	5	0	128	0	306	0
12	Kelantan	36	2	43	0	1,562	4	1,432	2
13	Sarawak	20	0	24	0	966	2	615	0
14	Sabah	51	0	57	1	2,223	11	2,168	10
15	WP Labuan	1	0	0	0	5	0	22	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,494</b>	<b>6</b>	<b>1,415</b>	<b>3</b>	<b>43,306</b>	<b>77</b>	<b>48,754</b>	<b>76</b>

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 20/2020  
(10 Mei hingga 16 Mei 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	127	160
2	SELANGOR	H/Langat	Jln Kp 7-10 Tmn Kajang Perdana	32	139
3	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	33	122
4	SELANGOR	Petaling	Sri Pju 1a Pprt B : Blok D,E,F	22	103
5	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/B Bandar Bukit Mahkota	48	94
6	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Palma	20	90
7	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (P/puri Daisy C : Blok 9 - 13)	15	82
8	SELANGOR	Gombak	Tmn Garing Permai	35	78
9	SELANGOR	H/Selangor	Taman Cempaka	55	72
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Perdana )	66	70
11	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Puchong	21	69
12	SELANGOR	Klang	Off Jalan Meru Jalan Muda 01	25	68
13	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	8	67
14	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	34	67
15	SELANGOR	Petaling	Sek 11 ( Teres A : Jln 11/1 - 11/3 )	24	66
16	SELANGOR	Petaling	Sek 23 ( Teres A : Jln 23/6 - 23/12 )	17	65
17	WPKL	Titiwangsa	Pa Desa Rejang (Blok G,H,J,K)	16	64
18	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 2)	13	63
19	SELANGOR	Petaling	Sek 18 (Kuarters Guru : Jln 18/7)	15	58
20	WPKL	Titiwangsa	Pa Desa Rejang (Blok A,B,C,D)	51	55
21	SELANGOR	Gombak	Tmn Kuang Raya	10	54
22	SELANGOR	H/Selangor	Lokaliti 3 Bdr Baru Btg Kali	11	53
23	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 2	22	52
24	N SEMBILAN	Seremban	Taman Bukit Sendayan	11	51
25	PERAK	Kinta	Rpt Chepor	35	50
26	WPKL	Titiwangsa	Pangsapuri Atm	35	48
27	SELANGOR	K/Langat	Pangsapuri Impian, Bsp	25	48

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	WPKL	Titivangsa	Appt Mawar Sari	16	47
29	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres E : Jln 19/24 - 19/31)	23	47
30	PERAK	Kinta	Tmn Klebang Jaya	17	47
31	SELANGOR	Gombak	Tmn Rawang Perdana Rp 4 Zon B	15	46
32	N SEMBILAN	Seremban	Taman Seri Rahang	5	46
33	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah A(Blok 54-60)	22	44
34	WPKL	Putrajaya	Presint 18 - Parcel R8	19	44
35	SELANGOR	Petaling	Tmn Damai Utama 7 (P/puri Damai Utama)	14	43
36	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Batu Caves	8	43
37	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Jln Indah 1)	11	43
38	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/9-Bk 5/18) & Ipd Serdang	15	43
39	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	11	41
40	N SEMBILAN	Seremban	Taman Thivy Jaya	6	41
41	WPKL	Titivangsa	Tmn Setiawangsa (Jln Bkt Setiawangsa 7-15)	18	40
42	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Shang Villa	39	40
43	PERAK	Kinta	Pekan Razaki	9	40
44	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (Nusa Subang : Jln U5/105 - U5/112b)	13	39
45	SELANGOR	Klang	Apartment Pelangi Court	9	39
46	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Skyvillas)	7	38
47	SELANGOR	H/Langat	Jln 2/2 Seksyen 2 Bandar Sri Putra	8	38
48	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Usj One Avenue Condo)	13	38
49	SELANGOR	Sepang	Cyberia Smarhome	34	37
50	SELANGOR	Petaling	Usj 16	8	37
51	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah B(Blok 62-70)	7	36
52	SELANGOR	Petaling	Tmn Subang Mas (Alstonea @ Apt Sri Nilam)	7	36
53	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres F : Jln 19/32 - 19/38b)	21	35
54	WPKL	L/Pantai	Tmn Gembira D (Jalan Riang 1-10)	12	34
55	SELANGOR	H/Langat	Jln Tkp 21-32 Tmn Kantan Permai	4	34
56	SELANGOR	Petaling	Sek 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa-Ac 7/Ac, T 7/T-Z 7/Z)	8	34
57	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai Equine Blok B)	9	34



NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
58	SELANGOR	Gombak	Appt Perdana Park	14	34
59	SABAH	Sandakan	Taman Bahagia	10	34
60	WPKL	Titivangsa	Sek 1 W/Maju Blok F	16	33
61	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-U10/77b)	5	33
62	PERAK	Kinta	Jln Chung Ah Ming,Pasir Putih	8	33
63	N SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	7	33
64	WPKL	Putrajaya	Presint 11 - Jalan P11a5	10	32
65	WPKL	Titivangsa	Ppr Hiliran Ampang	12	32
66	SELANGOR	Gombak	Appt Kuang Raya	5	32
67	SELANGOR	Sepang	Putra Perdana Fasa 08	10	32
68	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 1)	21	32
69	WPKL	L/Pantai	Bangsar Utama (Jln Bangsar Utama 1-8)	5	31
70	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel A	11	31
71	SELANGOR	Petaling	Pju 1a Pprt Lembah Subang 2 (Blok A-F)	8	31
72	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 ( Pangsapuri Indahria )	14	31
73	SELANGOR	Petaling	Tmn Subang Mas (Rumah Kedai)	11	31
74	SELANGOR	Klang	Bandar Putera 1 (01)	8	31
75	SELANGOR	H/Langat	Jln Tkp 10-20 Tmn Kantan Permai	12	31
76	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres A : Jln 19/2 - 19/2e)	8	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU 20/2020 (16 Mei 2020)**

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL KES (Daerah)</b>	<b>BIL KES (Negeri)</b>
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Kuala Muda Sik Kota Setar Baling Pendang Yan	3 2 1 1 2 1	10
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah	25 11 1	37
4	Perak	Larut, Matang & Selama Kampar Batang Padang Kuala Kangsar Kinta Manjung Kerian Hulu Perak	109 150 59 14 58 13 1 2	406
5	Selangor	Klang Petaling	1 2	3
6	WPKL & P	Kepong	1	1
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	-	-	-
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Tumpat Bachok Kota Bharu Kuala Krai Tanah Merah	8 5 7 1 2	23
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>			<b>482</b>	